

UNTUK SIARAN SEGERA



HRD CORP PERKASA BAKAT OKU MELALUI MINGGU LATIHAN KEBANGSAAN (NTW) 2025

KUALA LUMPUR, 24 Jun 2025 – Dalam usaha untuk memperkasa penyertaan golongan orang kelainan upaya (OKU) dalam tenaga kerja, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah menganjurkan forum serantau - **ASEAN: Empowering Persons with Disabilities, Elevating the Workforce** di Berjaya Times Square, di sini.

Forum tersebut menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri dan aktivis OKU bagi mengetengahkan amalan pekerjaan yang inklusif serta memperkukuh akses peluang pekerjaan yang saksama.

Dianjurkan sempena Minggu Latihan Kebangsaan (National Training Week - NTW) 2025, acara ini menekankan kepentingan pembangunan tenaga kerja yang inklusif sebagai tonggak utama dalam membentuk ekosistem bakat yang bersedia dan pelbagai untuk masa depan.

Acara ini telah disempurnakan oleh Datuk Wira Shahul Dawood, Penasihat Tahun Kemahiran ASEAN (ASEAN Year of Skills - AYOS) 2025 dan turut dihadiri oleh Encik Soffian Amin, Ketua Pegawai Program HRD Corp merangkap Pengerusi NTW 2025 serta Encik Hafez Kamaruddin, Ketua Operasi Wilayah HRD Corp.

UNTUK SIARAN SEGERA

Antara sorotan utama forum ini ialah sesi panel yang menampilkan empat (4) tokoh terkemuka dalam komuniti OKU yang berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka:

- **Dato' Satinah Syed Saleh**, Profesor Adjung, Universiti Cyberjaya dan Pengarah Urusan, Alpha AI Sagoff Edu Resources.
- **Dr. Ruzita Mohd Amin**, Ketua, Unit Perkhidmatan OKU & Profesor Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- **Senator (B) Datuk Dr. Ras Adiba Radzi**, Pengasas & Presiden OKU Sentral.
- **Nori Abdullah**, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan Rakan Pengasas KitaKita.

Setiap panel menekankan keperluan pendekatan pelbagai sektor dalam memperkukuh inklusiviti, dengan menyedari bahawa kepelbagaian bukan sahaja suatu tuntutan moral, malah merupakan kelebihan terhadap ekonomi.

Selain forum utama, para peserta turut terlibat dalam siri *pocket talk* yang menengahkan pelbagai topik berkaitan pemerkasaan OKU di tempat kerja.

Antara sesi yang diadakan termasuk, *OKU Entrepreneurship Programme*, *PERKESO's initiatives for PWD*, *Neurodiversity at Work: Insights and Learnings* serta sesi istimewa bertajuk *Dialogue in the Dark* oleh Encik Steven Chan, Pengasas DIA Academy. Seorang lagi penceramah memberi inspirasi, Puan Anis Adillah, turut berkongsi perjalanan peribadinya dalam sesi bertajuk *RnR Diri*, yang menekankan ketahanan diri dan pemerkasaan peribadi.

Bagi memberi lebih impak kepada forum, HRD Corp dengan kerjasama PERKESO dan MyFutureJobs telah menganjurkan pameran pekerjaan dan sesi temu duga terbuka untuk pencari kerja OKU. Antara syarikat yang terlibat termasuk AEON Co. (M) Berhad, Bila-Bila Mart, Always Sdn. Bhd., Hotel Marriott, dan Genashtim Sdn Bhd, sebagai bukti industry dalam memberi komitmen mewujudkan peluang pekerjaan yang inklusif.

Forum ini merupakan sebahagian daripada *Track OKU* di bawah NTW 2025, yang merangkumi peluang latihan percuma dan program kesedaran yang direka khusus untuk majikan serta masyarakat umum.

Selain itu, HRD Corp turut menawarkan tiga (3) sesi latihan serentak secara percuma kepada peserta OKU, iaitu:

UNTUK SIARAN SEGERA

1. Latihan CSI (Kognitif dan Gangguan Sosial)
2. Latihan Penulisan Perniagaan untuk OKU
3. Program Keusahawanan oleh MyOKU

Melalui inisiatif ini, HRD Corp berhasrat untuk mengubah persepsi masyarakat, membina komuniti yang menyokong penyertaan setara serta menyumbang kepada pertumbuhan tenaga kerja yang inklusif.

Sebagai '*flagship platform*' kedua di bawah inisiatif AYOS 2025, NTW 2025 turut diperluaskan ke peringkat serantau dengan membuka akses portal NTW kepada seluruh negara ASEAN, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta perkongsian amalan terbaik dalam pembangunan bakat serantau. Semua kursus ditawarkan secara percuma bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, tetapi juga kepada seluruh warga ASEAN, sejajar dengan tema NTW 2025, "Pembelajaran Tanpa Sempadan".

Walaupun kempen selama seminggu ini telah berakhir pada 21 Jun 2025, rakyat Malaysia dan komuniti ASEAN masih boleh mengakses kursus-kursus percuma ini di portal NTW sepanjang tahun ini.

Untuk maklumat lanjut dan akses kepada pelbagai kursus percuma, sila layari portal NTW di <https://www.nationaltrainingweek.gov.my/>, dan ketahui lebih lanjut mengenai AYOS 2025 dan platform utama lain menerusi portal rasmi AYOS 2025 di <https://aseanyearofskills.org/>.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui pengubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.

Nik Surina Suria

Bahagian Komunikasi Pemasaran, HRD Corp

niksurina@hrdcorp.gov.my

+6013 367 6488

Nabilah Hamudin

Jabatan Komunikasi & Perhubungan Awam

Bahagian Komunikasi Pemasaran, HRD Corp

nabilahhamudin@hrdcorp.gov.my

+6017 209 8474